



RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

TARIKH KUAT KUASA: 24 DISEMBER 2024

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

Kandungan

1. PENGENALAN.....	3
2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	3
3. APA ITU AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN?	4
4. OBJEKTIF AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN.....	5
5. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI	6
6. PEMILIHAN KES.....	6
7. PELAKSANAAN AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN	7
7.1 Tindakan Awal Audit	7
7.2 Lawatan Audit	9
7.3 Tempoh Lawatan Semakan Audit Menyeluruh.....	10
7.4 Semakan Rekod.....	11
7.5 Penyelesaian Audit	12
7.6 Pengakuan Sukarela.....	12
8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB	15
8.1 LHDNM	15
8.2 Pembayar Cukai.....	15
8.3 Ejen Cukai Berdaftar	16
9. KERAHSIAAN MAKLUMAT	16
10. KESALAHAN, SURCAJ DAN PENALTI	17
10.1 Struktur Penalti dan Kadar Surcaj bagi Pelarasan Audit Harga Pindahan.....	17
10.2 Struktur penalti di bawah seksyen 113B ACP bagi kesalahan gagal mengemukakan DHP.	18
11. PENGADUAN	19
12. PROSEDUR BAYARAN	20
13. RAYUAN	20
14. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN	21
LAMPIRAN 1	

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

1. PENGENALAN

- 1.1 Pentadbiran sistem percukaian yang adil, telus dan saksama akan dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian tersebut. Pematuhan terhadap undang-undang percukaian hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas dan kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan pengelakan cukai hendaklah diambil tindakan mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
- 1.2 Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), audit cukai adalah aktiviti utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Seseorang pembayar cukai boleh dipilih untuk diaudit pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayar cukai telah dipilih untuk diaudit ini tidak bermaksud pembayar cukai tersebut telah melakukan kesalahan.
- 1.3 Rangka Kerja Audit Cukai Harga Pindahan (RKACHP) yang dikeluarkan oleh LHDNM bertujuan untuk memastikan audit cukai harga pindahan dilaksanakan secara adil, telus dan saksama. RKACHP ini menggariskan hak serta tanggungjawab pegawai audit, pembayar cukai dan ejen cukai. Secara umumnya, rangka kerja ini bertujuan untuk:
 - a. membantu pegawai audit menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan;
 - b. membantu pembayar cukai memenuhi tanggungjawab mereka; dan
 - c. memberi penerangan dan panduan berhubung dengan pengendalian dan pengurusan kes audit cukai harga pindahan bagi transaksi terkawal rentas sempadan dan tempatan.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 2.1 Secara umumnya, peruntukan undang-undang di bawah ACP yang terpakai dalam Rangka Kerja Audit Cukai (RKAC) yang sedang berkuatkuasa adalah juga terpakai kepada audit cukai harga pindahan.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

2.2 Peruntukan undang-undang di bawah ACP yang terpakai secara khusus dalam audit cukai harga pindahan adalah seperti berikut:

- a. Seksyen 113B : Kegagalan mengemukakan dokumentasi harga pindahan semasa (DHP)
- b. Seksyen 132 : Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali
- c. Seksyen 139 : Syarikat terkawal
- d. Seksyen 140A : Kuasa untuk menggantikan harga, mengabaikan struktur dan mengenakan surcaj

2.3 Selain itu, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan dan garis panduan yang terpakai dalam audit cukai harga pindahan adalah seperti berikut:

- a. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Harga Pindahan) 2012 (P.U.(A) 132/2012) yang terpakai sehingga tahun taksiran 2022.
- b. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Harga Pindahan) 2023 (P.U. (A) 165/2023) yang terpakai mulai tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.
- c. “*Malaysian Transfer Pricing Guidelines (MTPGL)*” yang sedang berkuat kuasa.

2.4 Peruntukan undang-undang berkenaan dengan audit cukai harga pindahan tidak hanya terhad kepada peruntukan undang-undang yang dinyatakan di atas. Ia juga meliputi keseluruhan ACP, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

3. APA ITU AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN?

3.1 Audit cukai harga pindahan ialah semakan ke atas rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan peraturan percukaian yang dikenakan ke atas transaksi terkawal adalah dipatuhi.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- 3.2 Semakan ini adalah bertujuan memastikan kaedah penentuan harga pindahan yang diguna pakai oleh pembayar cukai adalah mengikut kaedah yang telah digariskan dalam P.U.(A) 132/2012 dan P.U.(A) 165/2023 serta memastikan jenis rekod dan dokumen yang disimpan adalah memenuhi keperluan dan kehendak LHDNM.
- 3.3 Audit cukai harga pindahan juga adalah bagi memastikan prinsip harga selengan ke atas transaksi terkawal dipatuhi, pendapatan yang dilaporkan adalah teratur dan cukai yang sepatutnya dikenakan, dikira dan dibayar mengikut undang-undang percukaian.
- 3.4 Semakan audit cukai harga pindahan akan dijalankan secara semakan audit menyeluruh seperti berikut:
 - a. di premis pembayar cukai, pejabat LHDNM atau mana-mana tempat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak; dan
 - b. mengguna pakai prosedur semakan audit menyeluruh RKAC yang melibatkan semakan rekod perniagaan pembayar cukai dengan prosedur tambahan seperti pengemukaan slaid maklumat perniagaan dan DHP sebelum lawatan audit untuk memastikan transaksi terkawal yang dijalankan adalah mengikut prinsip harga selengan.
- 3.5 DHP adalah dokumen penting untuk membuktikan transaksi terkawal telah dijalankan pada harga selengan. Oleh itu, pembayar cukai dan wakil cukai yang menyediakan dokumentasi tersebut hendaklah memastikan DHP disediakan dengan tepat mengikut peruntukan ACP dan Kaedah-Kaedah serta garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

4. OBJEKTIF AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

- 4.1 Objektif utama audit cukai harga pindahan ialah untuk:
 - a. memastikan pematuhan kepada prinsip harga selengan dalam transaksi terkawal;
 - b. memastikan pematuhan terhadap undang-undang percukaian di Malaysia serta peraturan lain yang dikeluarkan oleh LHDNM; dan
 - c. memastikan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta pematuhan cukai dapat dicapai di bawah STS.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- 4.2 Sehubungan itu, pegawai audit perlu memastikan bahawa pendapatan yang betul dan teratur telah dilaporkan dan cukai yang sepatutnya telah dibayar oleh pembayar cukai mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.
- 4.3 Aktiviti audit cukai harga pindahan adalah satu pendekatan LHDNM untuk memberi pendidikan serta pendedahan kepada pembayar cukai terhadap tanggungjawab dan kewajipan mereka di bawah peruntukan ACP.

5. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI

- 5.1 Semakan audit menyeluruh kes harga pindahan boleh meliputi sehingga enam (6) tahun taksiran.
- 5.2 Walau bagaimanapun, tahun-tahun taksiran yang diliputi untuk membangkitkan taksiran boleh dilanjutkan sehingga tujuh (7) tahun taksiran kebelakang bergantung kepada penemuan audit. Had bagi tempoh liputan ini tidak terpakai bagi kes audit cukai harga pindahan yang melibatkan penipuan (*fraud*), keingkaran sengaja (*wilful default*) atau kecuai (*negligence*) seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 91(3) ACP.

6. PEMILIHAN KES

- 6.1 Asas yang digunakan dalam pemilihan kes audit cukai harga pindahan adalah seperti berikut:
 - a. pemilihan melalui kriteria-kriteria penilaian risiko terhadap transaksi terkawal;
 - b. penstrukturan semula kumpulan syarikat; dan
 - c. maklumat diterima daripada pihak ketiga termasuk pihak berkuasa cukai antarabangsa.

7. PELAKSANAAN AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

7.1 Tindakan Awal Audit

- 7.1.1 Surat Memohon Dokumen dan Maklumat (SMDM) akan dikeluarkan kepada pembayar cukai melalui e-mel rasmi atau pos biasa bagi mendapatkan dokumen dan maklumat termasuk DHP.
- 7.1.2 Pembayar cukai dikehendaki memberikan maklum balas dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh SMDM yang dikeluarkan oleh pihak LHDNM.
- 7.1.3 Sekiranya pembayar cukai gagal mengemukakan DHP dalam tempoh yang ditetapkan, notis bertulis di bawah seksyen 113B ACP dan subperenggan 5(3) P.U.(A) 165/2023 (notis bertulis) akan dikeluarkan.
- 7.1.4 Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan (SPLP) akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar sebelum tarikh lawatan audit. Walau bagaimanapun, sekiranya SPLP tidak dapat dikeluarkan dalam tempoh tersebut, pengesahan lawatan akan dimaklumkan melalui telefon atau e-mel terlebih dahulu.
- 7.1.5 Kandungan SPLP meliputi perkara-perkara berikut:
 - a. tarikh lawatan;
 - b. rekod-rekod yang perlu disediakan;
 - c. tahun taksiran yang akan diaudit;
 - d. nama pegawai audit; dan
 - e. jangka masa lawatan audit.
- 7.1.6 Sekiranya SPLP telah dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat permohonan untuk menangguhkan tarikh lawatan audit atas sebab-sebab yang munasabah, tertakluk kepada budi bicara pegawai audit.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- 7.1.7 Pembayar cukai boleh menghubungi Pengurus Audit atau Pengarah LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berkenaan bagi tujuan pengesahan lawatan audit akan dijalankan.
- 7.1.8 Sekiranya pembayar cukai gagal mengemukakan maklum balas dalam masa yang ditetapkan, tindakan audit akan diteruskan dengan menggunakan kaedah atau pendekatan yang bersesuaian mengikut pendapat pihak LHDNM.
- 7.1.9 Pembayar cukai perlu menyediakan slaid pembentangan mengenai maklumat perniagaan yang menerangkan latar belakang syarikat, operasi perniagaan dan operasi global syarikat, keseluruhan struktur pengurusan dan fungsi, sistem kawalan penyimpanan rekod dan perakaunan, dengan memberi tumpuan kepada transaksi terkawal. Slaid pembentangan ini akan dibentangkan semasa lawatan audit dan salinan slaid pembentangan perlu dikemukakan kepada pegawai audit sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum lawatan audit dijalankan.
- 7.1.10 Pembayar cukai bertanggungjawab untuk menyediakan dokumen yang dipilih oleh pegawai audit sama ada secara salinan cetak atau elektronik, dan juga menyediakan kemudahan komputer dan akses kepada sistem untuk semakan audit bagi dokumen yang hanya disimpan dalam bentuk elektronik.
- 7.1.11 Pembayar cukai juga bertanggungjawab untuk memastikan semua dokumen yang berkaitan dengan transaksi perniagaan di Malaysia yang disimpan di luar negara oleh syarikat berkaitan, boleh diakses oleh pegawai audit di Malaysia. Pemakluman berhubung semakan audit boleh dipanjangkan ke atas syarikat / perniagaan berkaitan atau yang dikawal oleh pembayar cukai.
- 7.1.12 LHDNM boleh mengadakan lawatan audit ke mana-mana premis pembayar cukai atau yang berkaitan dengan pembayar cukai dengan memaklumkan kepada pembayar cukai terlebih dahulu. Lawatan audit ini juga boleh dipanjangkan kepada syarikat berkaitan sekiranya perlu.
- 7.1.13 Tarikh permulaan audit cukai harga pindahan adalah merujuk kepada tarikh lawatan audit yang dinyatakan dalam SPLP

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

atau mana-mana tarikh lain untuk lawatan audit yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

- 7.1.14 Sekiranya tiada lawatan audit dibuat, Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes akan dikeluarkan kepada pembayar cukai bagi memaklumkan tarikh permulaan pengiraan tempoh penyelesaian kes audit.

7.2 Lawatan Audit

- 7.2.1 Semakan audit menyeluruh boleh dilaksanakan di tempat seperti berikut:

- a. premis perniagaan pembayar cukai / ejen cukai;
- b. pejabat LHDNM; atau
- c. tempat lain yang sesuai dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

- 7.2.2 Semasa lawatan audit, pegawai audit akan:

- a. memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa yang memaparkan nama dan gambar pegawai berkenaan atau surat kuasa yang dikeluarkan oleh LHDNM;
- b. memberitahu tujuan lawatan audit kepada pembayar cukai di peringkat awal lawatan;
- c. memaklumkan kepada pembayar cukai / ejen cukai bahawa di bawah seksyen 80 ACP, pegawai berkenaan pada setiap masa mempunyai kuasa sepenuhnya dan bebas untuk:
 - i. memasuki serta memeriksa segala tanah, bangunan dan tempat; dan
 - ii. melihat segala buku, dokumen, objek, artikel, material dan barang serta memeriksa, mengambil, membuat salinan atau cabutan daripada mana-mana buku, dokumen, objek, artikel, material dan barang tersebut tanpa dikenakan apa-apa bayaran.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- d. memberitahu skop dan tempoh semakan / pemeriksaan dokumen yang diperlukan untuk audit;
- e. memberitahu nama dan nombor telefon pejabat pegawai dan pegawai kanan yang mengawasi pengauditan;
- f. memberitahu hak dan tanggungjawab pembayar cukai semasa pengauditan dijalankan;
- g. membuat semakan / pemeriksaan dokumen di tempat-tempat yang dilawati;
- h. mengakses, memuat turun dan mengambil maklumat yang berkaitan daripada sebarang peralatan media elektronik; dan
- i. menemuduga pembayar cukai serta kakitangan utama daripada jabatan / bahagian / unit yang dikehendaki serta mana-mana pekerja yang difikirkan perlu di premis yang dilawati.

7.2.3 Selain daripada tempat di mana rekod-rekod perniagaan disimpan, pegawai audit juga boleh melawat lokasi terpilih yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan pembayar cukai.

7.2.4 Dalam keadaan tertentu, semakan dokumen boleh dilaksanakan di pejabat LHDNM sahaja.

7.3 Tempoh Lawatan Semakan Audit Menyeluruh

Tempoh masa yang diambil untuk mengaudit adalah antara satu (1) hingga tiga (3) hari. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut boleh dilanjutkan bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- a. saiz dan kerumitan transaksi perniagaan yang dijalankan;
- b. bentuk rekod yang disimpan; atau
- c. tahap kerjasama yang diberikan oleh pembayar cukai.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

7.4 Semakan Rekod

- 7.4.1 Bagi tujuan semakan rekod semasa proses pengauditan, perkara-perkara yang diperjelaskan di dalam RKAC yang sedang berkuatkuasa adalah terpakai.
- 7.4.2 Pegawai audit akan menjalankan semakan ke atas semua dokumen dan rekod yang berkaitan bagi menentukan amaun pendapatan yang telah dilaporkan adalah betul dan teratur dan kaedah-kaedah serta prinsip harga selengan telah dipatuhi dalam transaksi terkawal yang terlibat. Rekod-rekod yang akan disemak adalah termasuk:
 - a. Semua perjanjian, kontrak dan lain-lain dokumen berkaitan aktiviti perniagaan dengan syarikat berkaitan dan pihak ketiga; dan DHP yang disediakan;
 - b. sebagaimana yang diperuntukan di bawah P.U.(A) 132/2012, P.U.(A) 165/2023 dan MTPGL yang sedang berkuatkuasa.
- 7.4.3 Seksyen 82 dan 82A ACP menghendaki pembayar cukai menyimpan rekod dan dokumen yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan pendapatan atau kerugian daripada perniagaan serta pendapatan bercukai dan cukai kena bayar ditentukan. Rekod dan dokumen berkenaan boleh berbentuk manual atau elektronik dan adalah termasuk:
 - a. buku akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran atau pendapatan dan perbelanjaan;
 - b. penyata kewangan;
 - c. invois, baucar, resit dan sebarang dokumen lain yang perlu untuk mengesahkan mana-mana perkara yang direkodkan dalam buku akaun;
 - d. dokumen, objek, bahan-bahan, artikel dan benda yang dikendalikan dan disimpan secara medium elektronik; dan
 - e. sebarang rekod atau dokumen lain yang ditetapkan oleh KPHDN.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- 7.4.4 Mana-mana rekod berhubung dengan perniagaan di Malaysia hendaklah disimpan di Malaysia.
- 7.4.5 Kegagalan untuk menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap adalah satu kesalahan di bawah seksyen 119A ACP.
- 7.4.6 Sekiranya pembayar cukai gagal menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap, pegawai audit akan menggunakan kaedah atau pendekatan yang terbaik bagi menentukan suatu pendapatan telah dilaporkan dengan betul dan teratur mengikut perundangan dan peraturan percukaian.

7.5 Penyelesaian Audit

- 7.5.1 Bagi tujuan penyelesaian audit, perkara-perkara yang diperjelaskan di dalam RKAC yang sedang berkuatkuasa adalah terpakai.
- 7.5.2 Kes audit cukai harga pindahan perlu diselesaikan dalam tempoh 450 hari kalendar daripada tarikh permulaan audit. Sekiranya kes tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut, pembayar cukai akan dimaklumkan oleh LHDNM.
- 7.5.3 Bagi semakan audit cukai harga pindahan yang hanya melibatkan syarikat berkaitan yang berada di Malaysia, sekiranya terdapat sebarang pelarasan dibuat ke atas mana-mana syarikat berkaitan tersebut, pelarasan imbangan bagi amaun yang sama tidak akan diberikan secara automatik ke atas pihak berkaitan yang lain.
- 7.5.4 Permohonan pelarasan imbangan hendaklah dibuat oleh pihak berkaitan yang lain dan semakan audit akan dilaksanakan bagi memastikan permohonan tersebut boleh dipertimbangkan di bawah peruntukan ACP.

7.6 Pengakuan Sukarela

- 7.6.1 Pengakuan sukarela bermaksud pembayar cukai membuat pengakuan sukarela selepas tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata tetapi sebelum tindakan audit bermula.
- 7.6.2 Pengakuan sukarela perlu dibuat secara bertulis dan dikemukakan bersama dokumen-dokumen yang berkenaan

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

kepada Pengarah LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berkenaan.

- 7.6.3 Pembayar cukai yang ingin membuat pengakuan sukarela perlu mengisi Borang Pengakuan Sukarela bagi Kes Harga Pindahan seperti di **Lampiran 1** yang boleh dimuat turun dari laman sesawang LHDNM.
- 7.6.4 Selain Borang Pengakuan Sukarela bagi Kes Harga Pindahan, pembayar cukai juga perlu mengemukakan maklumat dan dokumen berikut:
- DHP dan carta organisasi bagi tahun-tahun taksiran yang berkaitan;
 - akaun beraudit, pengiraan cukai, salinan Borang Nyata dan maklumat-maklumat insentif (sekiranya ada), bagi tahun-tahun taksiran yang berkaitan;
 - pengiraan analisa perbandingan dan akaun beraudit syarikat-syarikat perbandingan bagi tahun-tahun taksiran yang berkaitan; dan
 - maklumat pendapatan tertinggal atau kesilapan dalam pelaporan / tuntutan beserta dokumen sokongan yang relevan.
- 7.6.5 Pembayar cukai boleh mengadakan perbincangan awal dengan Pengarah LHDNM Negeri / Cawangan Khas berhubung pengakuan sukarela yang akan dibuat sekiranya perlu, tertakluk kepada budi bicara Pengarah Negeri LHDNM / Cawangan Khas. Walau bagaimanapun, perbincangan tanpa maklumat terperinci pembayar cukai tidak akan dilayan.
- 7.6.6 Surat pengesahan penerimaan Borang Pengakuan Sukarela bagi Kes Harga Pindahan akan dikeluarkan oleh LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berkenaan kepada pembayar cukai dalam tempoh lima (5) hari bekerja.
- 7.6.7 LHDNM akan membuat semakan ke atas dokumen-dokumen yang dikemukakan dan akan memohon maklumat tambahan atau memanggil pembayar cukai untuk memberikan penjelasan di pejabat LHDNM sekiranya perlu.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- 7.6.8 Pembayar cukai yang gagal mengemukakan dokumen dan maklumat yang lengkap seperti yang dinyatakan di perenggan 7.6.4 tanpa alasan yang munasabah boleh mengakibatkan pengakuan sukarelanya tidak diterima.
- 7.6.9 Sekiranya dokumen adalah lengkap dan analisa perbandingan diterima, maka pengakuan sukarela adalah muktamad dan makluman akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sebelum taksiran dibangkitkan.
- 7.6.10 Sekiranya analisa perbandingan perlu dibuat pelarasan, maka pelarasan ke atas analisa perbandingan akan dilakukan dan makluman akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sebelum pengiraan cukai dimuktamadkan dan taksiran dibangkitkan.
- 7.6.11 Sekiranya dokumen yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah tidak lengkap:
- a. lawatan audit akan dibuat atau surat pertanyaan akan dikeluarkan kepada pembayar cukai;
 - b. semakan lanjut akan dibuat ke atas maklumat tambahan yang diperolehi daripada lawatan audit / surat pertanyaan tersebut;
 - c. sekiranya analisa perbandingan diterima, maka pengakuan sukarela akan dimuktamadkan; dan
 - d. sekiranya analisa perbandingan perlu dibuat pelarasan, maka pelarasan akan dilakukan dan pemakluman akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sebelum pengiraan cukai dimuktamadkan dan taksiran dibangkitkan.
- 7.6.12 Orang yang dibenarkan membuat pengakuan sukarela bagi pihak pembayar cukai yang merupakan syarikat atau kumpulan orang adalah orang yang dinyatakan di bawah subseksyen 75(1) ACP.

8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB

8.1 LHDNM

- 8.1.1 Hak dan tanggungjawab pegawai audit harga pindahan adalah seperti mana yang disenaraikan di dalam RKAC yang sedang berkuatkuasa.
- 8.1.2 Selain itu, pegawai audit juga perlu bertanggungjawab memaklumkan kepada pembayar cukai secara bertulis sekiranya DHP yang diterima adalah tidak lengkap dan pemakluman perlu dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari selepas pengemukakan DHP oleh pembayar cukai.

8.2 Pembayar Cukai

- 8.2.1 Hak dan tanggungjawab pembayar cukai adalah seperti mana yang disenaraikan di dalam RKAC yang sedang berkuatkuasa.
- 8.2.2 Selain itu, bagi semakan audit harga pindahan, pembayar cukai juga bertanggungjawab untuk:
 - a. menyediakan DHP yang lengkap dan mengemukakan kepada LHDNM dalam tempoh yang ditetapkan;
 - b. membenarkan pegawai audit menemuduga kakitangan syarikat;
 - c. membenarkan penggunaan mesin penyalin, telefon atau alat komunikasi yang lain, internet, peralatan elektrik, ruang pejabat, perabot dan kemudahan sistem salinan elektronik seperti cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), cakera keras mudah alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain bagi tujuan pengauditan;
 - d. memastikan dokumen perniagaan yang disimpan di luar negara disediakan sebelum lawatan audit dijalankan;
 - e. memastikan dokumen perniagaan yang menggunakan Bahasa selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

Inggeris diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris;

- f. memberi kerjasama untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan di mana:
 - i. sekiranya soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas, pembayar cukai boleh memohon penjelasan lanjut daripada pegawai audit.
 - ii. sekiranya pembayar cukai tidak fasih berbahasa Malaysia atau Inggeris, pembayar cukai perlu menggunakan khidmat jurubahasa semasa sesi temu duga atau perbincangan.
 - iii. jika ada maklumat tambahan diminta semasa / selepas lawatan audit, pembayar cukai juga perlu mengemukakan maklumat tambahan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.

8.2.3 Pembayar cukai dianggap melakukan satu kesalahan di bawah peruntukan ACP sekiranya gagal bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

8.3 Ejen Cukai Berdaftar

- 8.3.1 Hak dan tanggungjawab ejen cukai adalah seperti mana yang disenaraikan di dalam RKAC yang sedang berkuatkuasa.
- 8.3.2 Selain itu, dalam melaksanakan tugas mereka, ejen cukai hendaklah berpengetahuan tinggi terhadap undang-undang dan amalan percukaian termasuk yang berkaitan dengan harga pindahan.

9. KERAHSIAAN MAKLUMAT

LHDNM akan memastikan semua maklumat yang diperolehi daripada pembayar cukai sama ada melalui temu duga, perbincangan, surat-menyurat atau semakan rekod dan dokumen adalah rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan cukai pendapatan sahaja.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

10. KESALAHAN, SURCAJ DAN PENALTI

10.1 Struktur Penalti dan Kadar Surcaj bagi Pelarasan Audit Harga Pindahan

10.1.1 Struktur penalti bagi kes audit yang bermula sebelum 1 Januari 2021

- a. Sekiranya terdapat kekurangan atau ketinggalan pendapatan berikutan penemuan audit cukai harga pindahan, penalti boleh dikenakan di bawah subseksyen 113(2) ACP bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang (100%). Namun demikian, bagi maksud RKACHP ini, kadar penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP yang boleh dikenakan adalah seperti berikut:

Kesalahan	Kadar
Penalti kesalahan pertama	15%
Penalti kesalahan kedua	30%
Penalti kesalahan ketiga dan seterusnya	45%

Pengenaan kadar penalti ini adalah selari dengan pengenaan kadar penalti dalam RKAC yang sedang berkuatkuasa.

- b. Walau bagaimanapun, KPHDN boleh menggunakan kuasa budi bicara berdasarkan subseksyen 124(3) ACP untuk mengurang atau meremitkan penalti yang telah dikenakan.

10.1.2 Struktur pengenaan surcaj di bawah subseksyen 140A(3C) ACP bagi kes audit yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2021.

- a. Sekiranya pelarasan dibuat berikutan daripada penemuan audit cukai harga pindahan dan menyebabkan penambahan pendapatan atau pengurangan apa-apa potongan atau kerugian, surcaj boleh dikenakan di bawah subseksyen 140A(3C) ACP pada kadar sehingga 5% ke atas amaun pelarasan tersebut.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- b. Pengenaan surcaj masih boleh dikenakan walaupun tiada taksiran atau taksiran tambahan dibangkitkan kerana kadar surcaj adalah dikenakan ke atas amaun pelarasan harga pindahan.
- c. Kadar surcaj di bawah subseksyen 140A(3C) ACP bagi pengakuan sukarela seperti di perenggan 7.6 adalah pada kadar 0% hingga 4%.

10.2 Struktur penalti di bawah seksyen 113B ACP bagi kesalahan gagal mengemukakan DHP.

- a. Mulai tahun taksiran 2023, pembayar cukai yang gagal mengemukakan DHP yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh serahan notis bertulis, telah melakukan kesalahan jenayah di bawah seksyen 113B ACP yang mana jika disabitkan kesalahan, pembayar cukai tersebut boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.
- b. Tindakan pendakwaan boleh diambil sekiranya pembayar cukai tidak memberikan sebarang maklumbalas selepas tamat tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh notis bertulis disampaikan.
- c. Sekiranya tiada pendakwaan dibuat, KPHDN boleh mengenakan penalti yang tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 melalui notis bertulis atau notis taksiran di bawah subseksyen 113B(4) ACP bagi setiap tahun taksiran kesalahan.
- d. Penalti ini akan dikenakan pada peringkat akhir pengauditan untuk setiap tahun taksiran yang terlibat secara berasingan sekiranya:
 - i. DHP dikemukakan kepada LHDNM melebihi tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian notis bertulis; atau
 - ii. DHP yang dikemukakan kepada LHDNM tidak lengkap sebagaimana yang dinyatakan dalam P.U.(A)165/2023 dan MTPGL yang sedang berkuatkuasa.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- e. Amaun penalti akan dikenakan berdasarkan kepada tempoh lewat pengemukakan DHP seperti berikut:

Bil.	Tempoh Lewat*	Amaun Penalti Seksyen 113B
1	Sehingga 7 hari	RM20,000.00
2	Melebihi 7 hari sehingga 14 hari	RM40,000.00
3	Melebihi 14 hari sehingga 21 hari	RM60,000.00
4	Melebihi 21 hari sehingga 28 hari	RM80,000.00
5	Melebihi 28 hari	RM100,000.00

*Nota: *Tempoh lewat dikira daripada tamat tempoh 14 hari daripada tarikh penyampaian notis sehingga DHP lengkap dikemukakan kepada LHDNM.*

- f. Kelonggaran pengenaan penalti seksyen 113B ACP akan diberikan kepada pembayar cukai yang mempunyai tempoh perakaunan yang bermula sebelum P.U.(A) 165/2023 diwartakan pada 29 Mei 2023. Contoh keadaan di mana kelonggaran terpakai adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan DHP	Tempoh Kewangan DHP	Kelonggaran penalti seksyen 113B terpakai?
DHP 2023	01/06/2022 hingga 31/05/2023	Ya
DHP 2023	01/01/2023 hingga 31/12/2023	Ya
DHP 2024	01/05/2023 hingga 30/04/2024	Ya
DHP 2024	01/06/2023 hingga 31/05/2024	Tidak
DHP 2024	01/01/2024 hingga 31/12/2024	Tidak

11. PENGADUAN

Prosedur pengaduan adalah seperti mana yang dijelaskan di dalam RKAC yang sedang berkuatkuasa.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

12. PROSEDUR BAYARAN

- 12.1 Sekiranya terdapat pengenaan cukai, penalti dan surcaj yang berbangkit daripada pelarasan audit, bayaran tersebut hendaklah dibuat melalui ejen yang dilantik atau mana-mana Kaunter Bayaran LHDNM.
- 12.2 Pembayar cukai adalah dikehendaki untuk membuat bayaran penuh terhadap cukai, penalti dan surcaj yang berbangkit daripada pelarasan audit.
- 12.3 LHDNM boleh mempertimbangkan permohonan pembayar cukai untuk menjelaskan bayaran cukai tambahan, penalti dan surcaj secara bayaran ansuran bagi tempoh yang ditetapkan.
- 12.4 Permohonan bayaran ansuran perlu dikemukakan kepada Pengarah LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berkenaan untuk kelulusan.
- 12.5 Sekiranya pembayar cukai gagal membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan atau tempoh ansuran yang telah dipersetujui, kenaikan 10% akan dikenakan ke atas baki amaun yang tidak dibayar.

13. RAYUAN

- 13.1 Subseksyen 97A(2) dan seksyen 99 hingga 102 ACP menyediakan ruang kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan berhubung dengan taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM.
- 13.2 Pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 30 hari selepas penyampaian Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai. Proses rayuan yang sama turut terpakai sekiranya pembayar cukai ingin merayu ke atas notis bertulis pengenaan penalti seksyen 113B ACP.
- 13.3 Semua rayuan terhadap taksiran hendaklah dibuat melalui Borang Q yang lengkap kepada Pengarah LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berkenaan kecuali rayuan ke atas Notis Surcaj di bawah subseksyen 140A(3C) ACP.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

- 13.4 Bagi pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan Notis Surcaj di bawah subseksyen 140A(3C) ACP, pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan rayuan ke atas pengurangan / peremitan surcaj secara bertulis (selain Borang Q) ke pejabat LHDNM Negeri/ Cawangan Khas yang mengeluarkan notis tersebut.
- 13.5 Pembayar cukai yang bermastautin di Malaysia boleh memohon bantuan pihak berkuasa kompeten di Malaysia melalui Tatacara Persetujuan Bersama (*Mutual Agreement Procedures* (MAP)) sekiranya tidak berpuas hati dengan hasil daripada pelarasan audit harga pindahan yang melibatkan transaksi rentas sempadan dengan syarikat berkaitan di negara rakan pejanji. Sekiranya pembayar cukai yang membuat permohonan Tatacara Persetujuan Bersama juga membuat rayuan melalui Borang Q, maka rayuan Borang Q akan dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan selepas penentuan Tatacara Persetujuan Bersama diperolehi. Sila rujuk Garis Panduan Tatacara Persetujuan Bersama (*MAP Guidelines*) yang sedang berkuat kuasa di laman sesawang LHDNM untuk maklumat lanjut.

14. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

Rangka Kerja Audit Cukai Harga Pindahan ini berkuat kuasa mulai 24 Disember 2024 dan membatalkan Rangka Kerja Audit Pindahan Harga bertarikh 15 Disember 2019.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

24 Disember 2024

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI HARGA PINDAHAN

Tarikh Kuat Kuasa: 24 Disember 2024

LAMPIRAN 1



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA BORANG PENGAKUAN SUKARELA BAGI KES HARGA PINDAHAN

1. Maklumat syarikat yang membuat pengakuan

- 1.1 No. Rujukan (No. Pendaftaran) _____
- 1.2 No. Cukai Pendapatan _____
- 1.3 Bermastautin di Malaysia _____
- 1.4 Tarikh mula beroperasi _____
- 1.5 Tempoh perakaunan _____
- 1.6 Tempoh asas _____

2. Maklumat pengarah syarikat yang diberi kuasa membuat pelaporan

- 2.1 Nama _____
- 2.2 No. Kad Pengenalan _____
- 2.3 Alamat _____
- 2.4 Jantina _____
- 2.5 Hubungan dengan syarikat _____

3. Maklumat pengakuan sukarela

- 3.1 Tempoh perakaunan yang dilaporkan _____
- 3.2 Tahun taksiran yang berkaitan _____
- 3.3 Maklumat yang ingin dilaporkan _____
- 3.4 Sebab pengakuan sukarela _____
- 3.5 Pertama kali membuat pengakuan sukarela? Ya ☐ Tidak ☐
- 3.6 Anggaran cukai kena dibayar / pelarasan _____

4. Perakuan

Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat yang dilaporkan di atas adalah benar dan syarikat _____ telah memberi kuasa kepada saya untuk membuat pengakuan sukarela ini untuk pihak Syarikat.

Saya menyedari dan memahami bahawa pengakuan ini akan memberikan kesan cukai seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di atas.

Sekiranya pengakuan ini ditolak, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mempunyai kuasa untuk membangkitkan taksiran yang sepatutnya berdasarkan maklumat yang diberikan.

Bersama-sama ini disertakan semua maklumat yang relevan dan dokumen yang berkaitan.

Nama : _____
(Pengarah Syarikat)

Tandatangan : _____

Tarikh : _____